

CNS5737

B GB 31-03 00174 BD422

aab

Mahathir - Barat

MAHATHIR BIDAS SIKAP HIPOKRIT BARAT MENGENAI UPAH PEKERJA

Daripada Ali Mamat

[

NEW DELHI, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap hipokrit Barat dengan berpura-pura menunjukkan simpati kepada pekerja di negara membangun dan mencadangkan kesejagatan peraturan upah minimum.

Beliau berkata simpati yang dilahirkan itu sebenarnya bukan kepada pekerja di negara membangun di Selatan tetapi kepada pekerja mereka yang kini menghadapi masalah pengangguran yang serius.

Ketika berucap kepada wartawan Malaysia pada akhir persidangan kemuncak keempat Kumpulan Negara Membangun (Kumpulan 15) di sini, Dr Mahathir berkata, Barat cuba menghapuskan satu-satunya kelebihan yang masih ada di negara membangun iaitu kos tenaga buruh yang murah.

Tuduhan kononnya negara-negara di Selatan mengeksploitasikan pekerja adalah tidak benar samasekali. Kelebihan itu ialah kerana kos sara hidup yang rendah di negara-negara berkenaan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata oleh kerana kos tenaga buruh yang murah, negara-negara di Selatan dapat mengeluarkan barangan pada kos yang lebih rendah. -- Lagi

▼31/03/00-03MST

CNS5742

B GB 31-03 00140 BD423

aab

Mahathir - Barat 2 New Delhi

Jika kelebihan itu hilang, maka kita tidak mempunyai apa-apa lagi... Kita tidak dapat mengeluarkan barangan yang mampu bersaing dengan barangan keluaran mereka.

"Jika ini berlaku, kilang-kilang kita akan ditutup, pekerja akan hilang pekerjaan dan akhirnya pelabur asing tidak lagi melabur di negara-negara kita apabila kos pengeluaran di negara membangun sama seperti di negara maju," kata beliau.

Justeru itu, Barat yang sekarang menghadapi kadar pengangguran yang tinggi dapat menyapukan semua persaingan dan lantas menguasai pasaran.

Perdana Menteri berkata perkara ini harus diberi perhatian berat oleh negara-negara Selatan dan persidangan kemuncak Kumpulan 15 yang baru berakhir ini telah membuat keputusan untuk menangannya.

Kumpulan 15 akan merumuskan pendirian bersama pada mesyuarat peringkat Menteri Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) di Marrakesh, Maghribi bulan depan. -- Lagi

▼31/03/00-03MST

CNS5743

B GR 31-03 00144 BD424

aab

Mahathir - Barat 3 New Delhi

"Menteri-menteri dari Kumpulan 15 akan berlepas ke Maghribi sekiranya-kurangnya sehari sebelum mesyuarat itu untuk menyelaraskan pendirian," kata beliau.

Ketika mengulas mengenai masalah pengaturcaraan di Barat, Dr Mahathir berkata, walaupun mempunyai segala kelebihan, negara maju masih gagal mengatasinya dan ini ialah kerana kos tenaga buruh dan tarat hidup yang tinggi.

Beliau kemudian menyenaraikan beberapa kelebihan yang dinikmati oleh negara maju termasuk modal, kepakaran teknologi, kepakaran pengurusan dan pemeraan serta pasaran domestik yang luas.

"Apabila meminjam modal daripada mereka, kita perlu membayar kadar faedah yang tinggi. Jika hendak menggunakan kepakaran teknologi mereka, kita perlu membayar royalti pula.

"Jika hendak menggunakan khidmat perundingan, kita sekali lagi perlu membayar. Pasaran mereka dapat menyokong produk tempatan. Ini memberi beberapa kelebihan kepada mereka daripada segi kos serta kelebihan lain," kata beliau. -- lagi

▼31/03/00-11MST

CNS5745

B GB 31-03 00129 BD425

aab

Mahathir - Barat 4 (akhir) New Delhi

Mengenai cadangan bagi rombakkan semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutama Majlis Keselamatan, Dr Mahathir berkata ia boleh dilaksanakan dalam konteks keanggotaan tambahan atau menghapuskan kuasa veto yang dinikmati oleh kelima-lima Anggota Tetap Majlis Keselamatan.

Negara membangun harus diberi suara yang lebih besar, baik di peringkat Agung mahupun di Majlis Keselamatan untuk mencerminkan pertumbuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lebih demokratik.

Dr Mahathir yang mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri India Narasimha Rao di Tengah-tengah persidangan kemuncak itu berkata, Malaysia dan India bersejua untuk meningkatkan kerjasama sama ada dalam konteks usahasaha ekonomi atau pelaburan.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Datu Paduka Dr Siti Hasmah Ali akan berlepas pulang pagi esok. -- Bernama  
AM PAZ